



12 MAR, 2026

Pendapatan Gas Malaysia bertambah jika pergolakan Asia Barat berterusan

Berita Harian, Malaysia



Pendapatan Gas Malaysia bertambah jika pergolakan Asia Barat berterusan

Pergolakan yang berterusan di Asia Barat berpotensi menyebabkan harga gas asli kekal tinggi untuk tempoh lebih lama, yang secara langsung boleh meningkatkan pendapatan Gas Malaysia Bhd.

Menurut UOB Kay Hian, berdasarkan anggarannya, Gas Malaysia memperoleh kira-kira 40 peratus daripada keuntungan bersihnya melalui jualan gas asli kepada lebih 1,000 pelanggan industri.

Analisisnya juga menunjukkan bahawa setiap perubahan satu peratus dalam harga gas asli boleh mengubah keuntungan bersih Gas Malaysia sebanyak satu peratus.

“Jika konflik itu menyebabkan harga minyak kekal tinggi melebihi enam bulan, Gas Malaysia berpotensi

mendapat manfaat kerana harga gas asli yang lebih tinggi akan diterjemahkan kepada peningkatan keuntungan,” katanya dalam satu nota penyelidikan.

Harga minyak mentah Brent, penanda aras global bagi minyak mentah, mengalami turun naik ketara sejak bermulanya kempen ketenteraan Amerika Syarikat (AS) dan Israel terhadap Iran bulan ini dan satu ketika meningkat setinggi AS\$119.50 sebelum susut semula ke bawah AS\$90 satu tong.

Harga gas asli cecair (LNG) di Asia pula melonjak 46 peratus dalam tempoh seminggu lalu sahaja.

Harga gas asli yang dijual di dalam negara ditetapkan berdasarkan Harga Rujukan Malaysia yang menanda aras kepada nilai eksport.

Terdapat tempoh kelewa-

tan kira-kira enam bulan antara harga rujukan suku tahunan itu dengan harga Brent.

Bagi Tenaga Nasional Bhd (TNB) pula, kenaikan harga gas asli mungkin menyebabkan peningkatan kecil dalam harga elektrik kerana kebanyakan tenaga elektrik yang dijana oleh utiliti elektrik negara itu datang daripada loji jana kuasa arang batu, manakala hanya kira-kira 35 peratus daripada loji jana kuasa berasaskan gas, menurut UOB Kay Hian.

Firma penyelidikan itu turut menyatakan bahawa hanya tujuh peratus daripada keseluruhan penggunaan gas asli dalam sektor tenaga tahun lalu tertakluk kepada harga global, manakala selebihnya dibekalkan oleh syarikat minyak dan gas nasional, PETRONAS.